

16/09/1998

Syor Malaysia diterima (HL)

Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Gesaan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton semalam supaya masyarakat antarabangsa segera membincangkan reformasi sistem kewangan dunia, mencerminkan kuasa besar ekonomi akhirnya menerima syor yang dilaungkan Malaysia selama ini.

Kuasa besar ekonomi dunia terutama Amerika mula menyedari krisis kewangan Asia berikutan spekulasi pasaran yang tidak terkawal, boleh mengancam ekonomi dunia.

Penganalisis hari ini berkata, spekulasi pasaran jika tidak ditangani akan menyebabkan kemelesetan sejagat.

Kesedaran itu terbukti apabila Clinton dalam ucapannya di New York semalam, meminta menteri kewangan serta pemimpin bank pusat dari 22 negara maju dan membangun (Kumpulan 22) mengadakan mesyuarat segera bagi membincangkan bagaimana melaksanakan reformasi terhadap sistem kewangan dunia.

Kumpulan 22 dianggotai ahli Kumpulan Tujuh (G7) iaitu Amerika, Jepun, Jerman, Britain, Perancis, Itali dan Kanada. Turut menyertainya Malaysia, Argentina, Australia, Brazil, China, Hong Kong, India, Indonesia, Korea Selatan, Mexico, Poland, Russia, Singapura, Afrika Selatan dan Thailand.

Sejurus selepas kenyataan Clinton itu, G7 mengeluarkan kenyataan dengan memberi amaran, risiko kelembapan ekonomi dunia kini semakin meningkat berikutan krisis kewangan Asia merebak begitu pantas ke ekonomi lain.

Kedua-dua kenyataan Clinton dan G7 itu, memetik sebahagian ucapan Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika, Alan Greenspan, lebih seminggu lalu yang memberi tanda awal bank pusat Amerika itu berkemungkinan menurunkan kadar faedah.

"Keutamaan pemimpin industri dunia kini adalah mengekalkan pertumbuhan," kata Clinton dalam ucapannya yang dilaporkan oleh beberapa agensi berita asing utama, semalam.

Secara tidak langsung, perkembangan terbaru itu turut membuktikan bahawa Amerika dan sekutunya dalam G7 menyetujui dasar Malaysia iaitu menurunkan kadar faedah.

Ia juga bermakna cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar dunia mengkaji semula sistem kewangan bagi mengawal kegiatan spekulasi kini diberi perhatian oleh kuasa besar ekonomi dunia, meskipun pendapat itu dikecam sebelum ini.

Hakikat itu dipersetujui oleh ahli ekonomi di Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd, Dr Ghazali Atan.

"Pada asasnya, dari segi polisi ekonomi makro, pendekatan Malaysia menangani masalah ekonomi akibat krisis kewangan ini memang diiktiraf," katanya, hari ini.

Dasar ekonomi makro Malaysia kini ke arah menggerakkan semula kegiatan ekonomi selaras apa yang dinyatakan Clinton dan G7 itu.

Sehubungan itu, beberapa langkah diambil termasuk melonggarkan kadar faedah.

Sementara itu, Ketua Penyelidikan di Salomon Smith Barney Malaysia Sdn Bhd, Azman Mokhtar berkata, penurunan kadar faedah bagi menjana pertumbuhan ekonomi adalah asas dalam teori ekonomi klasik.

Katanya, berdasarkan keadaan sekarang Amerika sememangnya perlu menimbang untuk menurunkan kadar faedah bagi mengelak kemelesetan ekonomi dunia.

"Ini kerana Amerika itu sendiri adalah pasaran utama ekonomi dunia.

"Dengan kira-kira sepertiga daripada ekonomi dunia dikatakan dilanda kemelesetan, kegagalan Amerika mempertahankan ekonominya daripada turut meleset akan membawa kepada kemelesetan di seluruh dunia," katanya.

Keperluan bagi Amerika menurunkan kadar faedah lebih terserlah dengan kemerosotan dalam pasaran sahamnya kerana pertalian erat antara pasaran saham dan tahap penggunaan.

(END)